



اوتوريٲتي كبغساءن كسلامتن
كصيٲتن دان عالم سكيتر
Safety, Health and Environment
National Authority

**OPENING REMARKS BY
HAJI YA'AKUB BIN HAJI YUSOF
DIRECTOR PROCESS SAFETY DIVISION
SAFETY, HEALTH AND ENVIRONMENT NATIONAL AUTHORITY (SHENA)**

**TUTONG DISTRICT ROADSHOW
SAFETY MONTH 2023 IN CONJUNCTION WITH WORLD DAY FOR
SAFETY AND HEALTH AT WORK
23 MAY 2023
DEWAN SERBAGUNA KAMPUNG SERAMBANGUN**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Yang Mulia, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri, Pemangku Pegawai Daerah Tutong;

Yang Berhormat, Awang Abdul Aziz Bin Haji Hamdan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Ketua Kampong Sengkarai;

Pihak Pengurusan Kanan SHENA;

Yang Mulia ketua-ketua dan wakil-wakil daripada pihak Agensi Kerajaan dan Industri;

Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

(.) berhenti sementara.



اوتوريتي كبحسائن كسلامتن
كصيتن دان عالم سكيتر
Safety, Health and Environment
National Authority

Hadirin yang di hormati,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Saya bagi pihak Ketua Eksekutif Sementara SHENA, pihak Pengurusan Kanan serta pegawai-pegawai dan kakitangan SHENA, mengalu-alukan kehadiran abiskita semua ke 'Majlis Pembukaan Jerayawaya Bulan Keselamatan SHENA' di Daerah Tutong

. sempena Hari Sedunia untuk Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2023'.

Yang Mulia Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Hari Sedunia Untuk Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja diraikan setiap tahun pada 28 April.

Tema pada tahun ini ialah. "Persekitaran Kerja yang Selamat dan Sihat adalah Prinsip dan Hak Asas di Tempat Kerja".

Ini menggambarkan pencapaian penting dalam keselamatan dan kesihatan di tempat kerja kerana semua ahli *International Labour Organization (ILO)* bersetuju bahawa "Persekitaran Kerja yang Selamat dan Sihat" adalah hak muktamad bagi setiap pekerja

. tidak kira situasi, sektor atau pangkat seseorang dalam sebuah organisasi.

(.) berhenti sementara.



اوتوريټي كڤسائڤ كسلامټن
كصيطن دان عالم سكيټر
Safety, Health and Environment
National Authority

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Visi Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) adalah memberikan komitmen sepenuhnya dalam mencetus perubahan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai tempat yang selamat untuk bekerja dan didiami.

Dalam menerajui visi ini, SHENA memainkan peranan penting dalam mengekal teguh, rangka kerja, kawal selia HSE Kebangsaan yang bersesuaian dan memastikan pihak-pihak berkewajipan mematuhi undang–undang yang berkuatkuasa Usaha ini memastikan penambahbaikan tempat kerja di mana risiko kepada orang ramai, asset dan persekitaran dikurangkan serendah mungkin dengan munasabah.

Adalah wajar bagi SHENA, pihak industri, wakil Kerajaan dan pihak berkepentingan memanfaatkan Hari Keselamatan dan Kesihatan Sedunia di Tempat Kerja untuk meneruskan komitmen kolektif kita terhadap kesejahteraan pekerja.

Selaras dengan tema tahun ini dan komitmen SHENA, beberapa aktiviti dianjurkan di seluruh negara sepanjang bulan Mei dan Jun untuk menarik perhatian dan menyebarkan mesej bahawa penyediaan tempat kerja yang selamat dan sihat dan penjagaan kesejahteraan pekerja adalah kewajipan setiap majikan. dalam mengurangkan kemalangan yang serius dan mengelakkan fataliti.

(.) berhenti sementara.



اوتوريټي كبحسان كسلامتن
كصيتن دان عالم سكيتر
Safety, Health and Environment
National Authority

Hadirin yang dihormati sekalian,

Di antara aktiviti -aktiviti SHENA Safety Month 2023 yang dijadualkan adalah jerayawara ke empat buah daerah.

Oleh itu, pihak SHENA berbesar hati diberikan peluang untuk menganjurkan jerayawara di Daerah Tutong, pusat kebudayaan dan warisan Negara Brunei Darussalam.

Pada hari ini, tetamu dan hadirin yang dihormati sekalian, akan dapat menyaksikan, pameran, daripada rakan kongsi SHENA yang terdiri daripada, pihak kerajaan dan pihak berkepentingan.

Tujuan pameran, ialah membina pendekatan orang ramai, yang menyeluruh terhadap keselamatan, dan kesihatan negara. Selain itu, perbincangan panel dengan wakil industri, pembentangan oleh pegawai SHENA dan aktiviti untuk para pelajar juga dianjurkan.

Dengan adanya platform seperti jerayawara ini, SHENA berharap ianya akan dapat mendorong perpaduan orang ramai dan pihak berkepentingan dalam menyokong tema.

(.) berhenti sementara.



اوتوريٽي كبحساان كسلامتن
كصيتن دان عالم سكيتر
Safety, Health and Environment
National Authority

Pihak orang ramai, termasuk pengawal selia, industri, dan pekerja akan berpeluang untuk bertukar pandangan mengenai amalan terbaik dalam menangani jurang dalam amalan HSE di tempat kerja.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Jerayawara hari ini, walaupun kecil, bertujuan untuk mengiktiraf usaha kerjasama untuk mencapai aspirasi Negara iaitu kearah sifar kematian di tempat kerja menjelang tahun 2035.

Oleh yang demikian, saya menyeru agar Yang Mulia Tuan-Tuan dan Puan-Puan dapat mengambil peluang ini untuk melihat pameran dan berkongsi pandangan semasa perbincangan panel, serta berinteraksi dengan pegawai SHENA yang lebih bersedia untuk menerangkan undang-undang dilaksanakan dan peranan teras pihak berkuasa.

Yang Mulia, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Dengan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan SHENA kepada Yang Mulia, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri, Pemangku Pegawai Daerah Tutong,
. atas kesudian beliau sebagai tetamu kehormat acara majlis pada pagi ini.

(.) berhenti sementara.



اوتوريٽي كېمسا۽ن كسلامتن
كصيتن دان عالم سكيتر
Safety, Health and Environment
National Authority

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Tutong yang telah memberikan sokongan yang sangat berharga bagi menjayakan jerayawara ini.

Saya juga dengan rendah hati mengucapkan terima kasih atas kehadiran Yang Berhormat, Ahli-Ahli Majlis Perundingan dan Ketua-Ketua Kampung Tutong di jerayawara hari ini.

Sebagai penutup, saya menjemput hadirin sekalian untuk menyaksikan persembahan video ringkas mengenai Bulan Keselamatan serta barisan aktiviti yang disediakan oleh Jawatankuasa Bulan Keselamatan SHENA untuk memperingati Hari Keselamatan dan Kesihatan Sedunia di Tempat Kerja tahun ini.

Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas kehadiran dan penyertaan Yang Mulia Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

Saya berharap SHENA akan terus mendapat sokongan padu daripada semua pihak ke arah membina tempat kerja yang selamat dan sihat untuk semua.

Wabillaahi taufiq wal hidayah, Wassalaamu'alaikum warahmaatullaahi wabarakaatuh.

(.) berhenti sementara.